

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	13 JULY 2017

5 matlamat pembaharuan Dasar Buku Negara

BH - 13/7/2017
Pg. 40

Budiman sedia nilai semula dasar ikut perubahan teknologi, ekonomi



Mahdzir menerima resolusi daripada Budiman di pejabat Menteri Pendidikan, di Putrajaya, kelmarin.

Oleh Siti Haliza Yusop
shyusop@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pengerusi Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), Budiman Mohd Zohdi dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Pembaharuan Dasar Buku Negara (DBN) oleh Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Budiman yang juga Ahli Parlimen Sungai Besar berkata, beliau berterima kasih di atas kepercayaan diberikan kepadanya bagi menguruskan Jawatankuasa Pelaksana Pembaharuan

DBN itu.

Beliau berkata DBN sudah cukup lama dan kali terakhir ia dilihat semula ialah pada penghujung dekad 1980-an.

Nilai semula DBN

“Perkembangan terkini terutama perubahan teknologi buku dan ekonomi buku menuntut DBN untuk dinilai semula.

“Apa yang akan kita lakukan selepas ini adalah membuat perincian bagi mengembangkan resolusi sidang meja bulat itu.

“Pertemuan itu akan dilakukan Jawatankuasa Pelaksana Pembaharuan DBN, dalam tempoh dua minggu dari sekarang,”

katanya ketika dihubungi *Sastera & Budaya* di sini, semalam.

Sementara itu, Kementerian Pendidikan dalam kenyataan medianya berkata, Budiman yang sebelum itu menyerahkan Resolusi Persidangan Meja Bulat DBN kepada Mahdzir di pejabat Menteri Pendidikan di Putrajaya, kelmarin.

Resolusi lima halaman

Yang turut hadir, Pengarah Urusan ITBM, Mohd Khair Ngadiron; Urus Setia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM), Abdul Wahab Ibrahim dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan

Info

Resolusi DBN

- Memastikan buku dalam bahasa Melayu sebagai alat pembangunan fikiran, sosial dan budaya.
- Memastikan buku dapat dinikmati semua golongan
- Memastikan rakyat mempunyai minat membaca tinggi.
- Memastikan semua buku diterbitkan mencapai mutu baik.
- Mendigitalan buku alaf baharu dan buku masa hadapan.

Kota Buku (PKB), Tuan Sayed Munawar Sayed Mustar.

Resolusi lima halaman yang dicapai pada Persidangan Meja Bulat DBN dipengerusikan Budiman pada 25 April lalu di Wisma ITBM, menggariskan lima matlamat utama yang memberi tumpuan kepada pembaharuan DBN sebagai asas penting yang akan diusulkan dalam merealisasikan wawasan Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Cadangan memperbaharui DBN diutarakan Budiman pada Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 14 Mac lalu di Parlimen.